

## **Peranan Kolej Komuniti Sebagai Pembimbing Dalam Memantapkan Niat Keusahawanan Pelajar**

Zairon Mustapha  
Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak  
zaironpkb@gmail.com

Abdul Halim Ahmad, Phd.  
Universiti Utara Malaysia  
abdhalim@uum.edu.my

Intan Yusrina Zairon  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Che Ghani bin Che Kob, Phd.  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
cheghani@fptv.upsi.edu.my

### **Abstrak**

Bimbingan keusahawanan merupakan satu perkhidmatan untuk membantu usahawan supaya dapat menghadapi cabaran dunia keusahawanan sama ada dari segi persekitaran sosial mahupun fizikal. Bimbingan ini merangkumi peranan yang dimainkan oleh sesebuah organisasi termasuk individu yang menyediakan pelbagai khidmat nasihat khususnya dalam bidang keusahawanan. Di Malaysia, antara institusi yang dijadikan rujukan dan terlibat dalam memberi bimbingan keusahawanan adalah agensi-agensi kerajaan, kementerian dan juga pelbagai bank. Bimbingan yang diberikan adalah kepada usahawan baru dan juga bakal usahawan khususnya para pelajar IPT. Selari dengan definisi pembimbing keusahawanan, kolej komuniti turut berperanan sebagai sebuah institusi pembangunan keusahawanan. Ini adalah kerana pelbagai program, latihan, kursus, bengkel, seminar dan pendidikan keusahawanan dilaksanakan di kolej komuniti. Walau bagaimanapun, peranan kolej komuniti sebagai institusi pembimbing keusahawanan masih kurang dibincangkan dan dikaji. Sebaliknya, sorotan kajian lepas lebih banyak mengkaji dari aspek psikologi dan pendidikan keusahawanan dalam mempengaruhi niat keusahawanan pelajar. Oleh yang demikian, timbul persoalan tentang bagaimana kolej komuniti boleh berperanan sebagai pembimbing yang dapat menghubungkan pelajar dengan dunia keusahawanan sebenar. Berdasarkan konsep pembimbing keusahawanan yang dijelaskan, artikel ini akan mengupas peranan kolej komuniti sebagai sebuah institusi pembimbing yang mentransformasikan niat kepada keusahawanan sebenar.

**Kata Kunci:** Kolej komuniti, Keusahawanan

### **Abstract**

Entrepreneurship advisors is a service to help the entrepreneurs to face the challenges of entrepreneurship world in terms of social and physical environment. This guidance covers the role played by an organization, including individuals who provide various advisory services, especially in entrepreneurship. In Malaysia, the institutions that are being referred and involved in providing entrepreneurial guidance are government agencies, ministries and banks. The guidance given is for the new entrepreneurs as well as prospective entrepreneurs especially IPT students. In line with the definition of entrepreneurship guidance, community college play a role as a development institution for entrepreneurship. This is because there are various programmes, training, courses, workshops, seminars and entrepreneurial

education are implemented at the college. However, the study of community college's role as an entrepreneurial institution is still under discussion and ongoing. Previous research highlights the influence of psychology and entrepreneurial education on entrepreneurial intentions. Therefore, there is a question on how community colleges can serve as guides that can connect the students with real world of entrepreneurship. Based on the concept of entrepreneurial guidance explained, this article will review on the role of community college as a guiding institution that help to transforms intentions into the real entrepreneurship.

**Keyword:** Community college, Entrepreneurship

## **1.0 Pengenalan**

Sumbangan bidang keusahawanan bukan sekadar meningkatkan kadar per kapita pengeluaran dan pendapatan tetapi bidang ini telah menjadi agenda penting sesebuah negara serta merupakan pemangkin kepada perubahan pembangunan ekonomi dalam meningkatkan pendapatan negara sesebuah negara (Kirby 2004; Luthje & Franke 2003; Mohd Salleh et.al 2005; Armanurah Mohamad, Nor Aishah Buang & Muhammad Hussin 2011). Pendekatan pembangunan keusahawanan di negara yang memberi fokus kepada ekonomi moden telah memberi penekanan kepada mencipta peluang pekerjaan (*job creator*) berbanding dengan pembangunan ekonomi tradisional yang memberi penekanan kepada agenda mewujudkan peluang pekerjaan. Justeru itu, aktiviti pembangunan keusahawanan bukan sahaja ditumpukan kepada golongan usahawan, malahan banyak negara di dunia telah memberi tumpuan kepada golongan pelajar sekolah dan institusi pendidikan tinggi (Ida Nadia & Khairul Anuar, 2016). Kajian oleh Kuratko & Hodgetts (2004) mendapati bilangan institusi di Amerika Syarikat yang menyediakan pendidikan keusahawanan meningkat daripada sekitar 20 buah kepada 500 buah institusi dalam tempoh 20 tahun. Manakala di Malaysia, kebanyakan institusi pendidikan tinggi (IPT) menawarkan program keusahawanan kepada pelajar sama ada di peringkat sijil, ijazah atau pasca-siswazah (Mohd Khairuddin dan Syed Azizi, 2002; Norashidah Hashim, NorAishah Buang & Norasmah Othman, 2008; Norasmah et.al 2012). Secara amnya, IPT berperanan menjalankan pendidikan keusahawanan secara berterusan melalui pelbagai program, penyediaan prasarana serta bantuan kewangan bagi memastikan niat keusahawanan pelajar dapat dibentuk lebih awal lagi. Ini adalah kerana sektor pendidikan tinggi memainkan peranan yang penting dalam menyediakan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT (Galloway et.al, 2005).

Abdul Halim et.al (2012) yang merumuskan bahawa kolej komuniti merupakan institusi pembimbing keusahawanan yang mampu mengilap potensi modal insan keusahawanan berbanding dengan universiti. Namun begitu, ketampakannya sebagai pembimbing keusahawanan tidak begitu diberi perhatian dan tumpuan. Penekanan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) mampu melonjakkan peranan yang dimainkan oleh kolej komuniti sebagai salah satu institusi pendidikan yang memberi fokus kepada pendidikan keusahawanan dan juga pembimbing keusahawanan. Objektif kajian ini untuk melihat fungsi kolej komuniti sebagai pembimbing keusahawanan

dan inisiatif yang dilaksanakan tersebut selari dengan dasar-dasar keusahawanan yang telah dirangka.

## 2.0 Dasar Penggalakkan Keusahawanan di Malaysia

Di Malaysia, pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenalkan oleh kerajaan sejak merdeka untuk menyokong dan menggalakkan penglibatan golongan siswazah menceburi bidang keusahawanan. Sebagai contoh, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Pengswastaan, Dasar Pensyarikatan Malaysia, Pengwujudan Kontraktor Kelas F serta mewujudkan pelbagai agensi yang berfungsi sebagai sistem sokongan usahawan seperti TEKUN, MARA, INSKEN. Di peringkat sekolah, program pembangunan keusahawanan dilaksanakan melalui penerapan elemen keusahawanan merentasi kurikulum di mana pengajaran keusahawanan dimasukkan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Bagi meneruskan agenda pembangunan keusahawanan di kalangan siswazah, kerajaan telah menggubal satu Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi pada tahun 2010. Dasar ini bertujuan untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan pendidikan keusahawanan secara lebih terancang dan holistik. Matlamat utama dasar ini adalah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan dan melahirkan lebih ramai lagi usahawan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang 2020. (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010).

Saban tahun, kerajaan memperuntukkan sejumlah dana bagi memastikan pembangunan program keusahawanan berjalan dengan lancar. Pelbagai agensi kerajaan dan swasta telah merancang program ke arah memantapkan niat keusahawanan khususnya kepada para siswazah lulusan universiti, politeknik dan kolej komuniti. Antara program keusahawanan yang disediakan kepada graduan yang tamat pengajian adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1:** Program pembangunan keusahawanan siswazah

| <b>Nama Program</b>                   | <b>Agensi</b>  |
|---------------------------------------|----------------|
| Tabung Usahawan Siswazah              | SME Bank       |
| Siswazah Perantis                     | PUNB Berhad    |
| Program Pembangunan Usahawan Siswazah | TEKUN Nasional |
| Dana Skim Prosper Siswazah            | PUNB Berhad    |
| Program Latihan Keusahawanan          | MARA           |

## 3.0 Kolej Komuniti Sebagai Sebuah Institusi Yang Membangunkan Keusahawanan Pelajar

IPT mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan keusahawanan khususnya yang berkait rapat dengan menyampaikan pengetahuan dan memantapkan kemahiran keusahawanan pelajar. Peranan ini digariskan dalam lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang memfokuskan kepada keberhasilan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Ini


adalah kerana IPT berfungsi sebagai pemangkin kepada semua aktiviti keusahawanan terutama sekali bertindak sebagai pusat rujukan utama dan juga sebuah institusi yang mempunyai pengaruh yang besar dalam aktiviti keusahawanan (Kostova 1999). Kolej komuniti merupakan antara platform yang disediakan dalam pendidikan di Malaysia yang mempunyai pengaruh yang besar khususnya bertindak sebagai sebuah institusi yang membangunkan keusahawanan pelajar. Sejak ditubuhkan pada tahun 2003, kolej komuniti telah melaksanakan pelbagai program pembangunan keusahawanan yang melibatkan program pembudayaan, pemantapan dan kelastarian. Semua program yang dirancang ini adalah berpandukan kepada Pelan Pengukuhan Keusahawanan Kolej Komuniti 2010-2015 dan diselaraskan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan Kolej Komuniti (PUSKOM) di peringkat Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) serta *e-Tech Centre* di setiap Kolej Komuniti (Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2010). Data menunjukkan bahawa antara tahun 2011 hingga 2013 sebanyak 3079 program telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 144674 orang pelajar dan telah melahirkan 249 orang usahawan (Laporan Aktiviti PUSKOM, 2014). Dua bentuk program keusahawanan yang dijalankan di kolej komuniti iaitu secara formal dan tidak formal. Program yang berbentuk formal adalah program yang berstruktur dengan menggunakan Modul Pembangunan Diri yang dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum JPKK di mana elemen keusahawanan merupakan sub-topik kepada modul tersebut, manakala program tidak formal dilaksanakan melalui seminar, bengkel, kursus, karnival, pertandingan keusahawanan, inkubator, lawatan dan kerja lapangan. Penyertaannya adalah terbuka kepada pelajar yang berminat dan secara sukarela (Abdul Halim et.al, 2012).

Gagasan gerak kerja PUSKOM dimantapkan dengan memberi penumpuan kepada program pemantapan keusahawanan. Program pemantapan ini bukan sekadar memberi fokus kepada melahirkan usahawan baru tetapi juga program keusahawanan yang berimpak tinggi. Antara contohnya adalah program keusahawanan sosial, bisnis atas talian, pertandingan cabaran keusahawanan lasak (Laporan Rancangan Aktiviti PUSKOM, 2013)

#### **4.0 Fungsi Kolej Komuniti Sebagai Pembimbing Keusahawanan**

Berdasarkan sorotan kajian yang dijalankan, peranan kolej komuniti dalam keusahawanan diukur berdasarkan pencapaian dalam menjalankan program pembudayaan dan pemantapan keusahawanan. Namun begitu, pada masa yang sama kolej komuniti juga merupakan sebuah institusi yang menjadi penasihat dan pembimbing keusahawanan seperti yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi lain yang telah sedia ada. Walau bagaimanapun peranan ini tidak begitu diberi perhatian meskipun diketahui bahawa kolej komuniti berupaya menjalankan fungsi sebagai pembimbing yang berkesan dalam membentuk niat keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Konsep bimbingan merupakan satu pendekatan pembangunan diri yang penting bagi memastikan seseorang individu itu mampu mengembangkan diri secara optima (Bisk, 2002; Bacon, 2003). Justeru itu, dalam memantapkan pengetahuan dan kemahiran baru, seseorang individu memerlukan seseorang yang mahir dalam sesuatu bidang yang dapat memberi bimbingan dan tunjuk ajar secara berkesan. Peranan pembimbing dalam keusahawanan adalah sebagai "penunjuk arah" yang menjadi rujukan para usahawan selain membantu usahawan-usahawan baru mencapai matlamat dalam perniagaan mereka. Pembimbing biasanya terdiri dari individu yang mempunyai

pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam sesuatu bidang serta memiliki ilmu yang relevan (Sanyal, 2017). Oleh itu, pembimbing bertanggungjawab untuk memindahkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang berguna kepada orang yang dibimbingnya. Model yang biasa digunakan dalam menerangkan peranan pembimbing dalam membantu usahawan adalah Model Keusahawanan Sosialisasi yang dibangunkan oleh Starr and Fondas (1992). Model ini menggunakan teori-teori sosialisasi organisasi untuk menjelaskan agen-agen yang dapat membantu individu yang mempunyai niat atau keinginan untuk menjadi seorang usahawan. Menurut Jacobs dan Fuller (1973), empat agen sosialisasi yang utama ialah ahli keluarga, rakan sebaya, media massa dan persekitaran pendidikan. Ini menunjukkan proses sosialisasi mempunyai hubungan kait yang erat dengan proses pendidikan iaitu satu proses untuk memperkembangkan potensi individu yang dilakukan secara formal dan bukan formal.



**Rajah 1:** Model sosialisasi usahawan

Di peringkat kolej komuniti, agen sosialisasi keusahawanan adalah pensyarah, rakan sebaya, persatuan yang diceburi dan persekitaran. Pelajar di lingkungan kolej komuniti mempelajari hal-hal yang mungkin belum dipelajari di lingkungan keluarga mahupun lingkungan rakan sebaya. Pensyarah yang berperanan sebagai pembimbing keusahawanan akan berfungsi untuk mengenali dan mengembangkan personaliti serta membentuk pola perilaku pelajarnya menjadi seorang usahawan. Selain daripada itu, pembimbing keusahawanan menyediakan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan bagi memastikan niat keusahawanan seseorang individu itu dapat direalisasikan kepada pembentukan perniagaan yang berjaya. Kajian lepas menunjukkan faktor bimbingan merupakan antara faktor yang penting dalam mempengaruhi prestasi perniagaan seseorang usahawan (Vidal-Salazar, Ferrón-Vilchez, & Cordon-Pozo, 2012).

Kolej komuniti menawarkan kursus-kursus pendek dengan memberi fokus kepada kemahiran teknikal dan vokasional bagi menjana pendapatan isi rumah dan ia boleh diikuti oleh semua peringkat umur tanpa mengira kelayakan akademik. Pengukuhan kemahiran keusahawanan diterapkan dalam modul kursus pendek dengan dibimbing oleh penceramah pakar dalam bidang keusahawanan untuk berkongsi ilmu keusahawanan.

Penekanan kemahiran keusahawanan di kolej komuniti dilaksanakan selari dengan Pelan Pengukuhan Keusahawanan JPKK. Antara inisiatif yang digariskan dalam pelan ini adalah menjadikan kolej komuniti sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan pembangunan keusahawanan melalui pelaksanaan aktiviti latihan, khidmat perundingan, khidmat nasihat, penyelidikan dan pembangunan, bimbingan, jaringan dan pengembangan (Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2010). Ini penting bagi memastikan pelajar yang bergraduat dari kolej komuniti mempunyai atribut keusahawanan, berinovasi, berdaya saing serta berani menghadapi risiko. Bimbingan yang berterusan oleh pensyarah keusahawanan yang terlatih amat diperlukan bagi memastikan usahawan yang dilahirkan oleh kolej komuniti merupakan usahawan tulen yang mampu bersaing di peringkat global. Kajian oleh De Clercq et.al (2010) menjelaskan persekitaran sesebuah institusi telah terbukti dapat mempengaruhi tahap keyakinan keusahawanan pelajar dan ini menjadi salah satu asas yang penting dalam menerokai bidang keusahawanan. Dapatan kajian yang berkaitan dengan bidang keusahawanan banyak membincangkan kepada persoalan kenapa dan bagaimana seseorang itu memulakan perniagaan baru serta faktor yang menyumbang kepada kejayaan seseorang usahawanan dalam jangka masa panjang (Bruton et.al, 2010). Tidak banyak kajian yang dijalankan untuk mengkaji peranan kolej komuniti sebagai sebuah institusi yang berperanan sebagai pusat dalam menerapkan nilai-nilai yang mampu membentuk minda keusahawanan pelajar. Sebaliknya sorotan kajian lepas banyak membincangkan peranan kolej komuniti dari konteks impak kepada pelaksanaan program keusahawanan. Sebagai sebuah institusi yang menjadi tunjang utama kepada peralihan fasa dunia pengajian dan pekerjaan, persekitaran kolej komuniti diharap dapat membentuk minda keusahawanan kepada pelajar menerusi peraturan, norma dan kognitif yang disediakan. Oleh yang demikian, satu kajian lanjut boleh dijalankan bagi mengenal pasti kemampuan kolej komuniti berperanan menjadi pembimbing pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan.

## **5.0 Kesimpulan**

Kolej komuniti merupakan salah satu agensi yang berpotensi besar sebagai pembimbing keusahawanan sama seperti agensi-agensi lain yang dilantik oleh kerajaan. Namum begitu, peranan sebagai pembimbing kurang diberi perhatian dan tumpuan lebih diberikan kepada melaksanakan program keusahawanan. Sorotan kajian lampau banyak memberi penumpuan kepada impak program dalam melahirkan usahawan. Sehubungan dengan itu, penyelidik mencadangkan agar kajian yang lebih mendalam di peringkat kolej komuniti untuk meneliti fungsi kolej komuniti sebagai pembimbing keusahawanan. Pelbagai inisiatif pengukuhan dan pemantapan khususnya kepada tenaga pengajar dan persekitaran perlu diberi perhatian dan ditambah nilai. Satu model yang sesuai perlu dibentuk dengan mengabung jalin semua agen sosialisasi keusahawanan untuk melihat impak kepada pembentukan niat keusahawanan pelajar kolej komuniti seterusnya menjadi usahawan yang mampan.

**Rujukan:**

Abdul Halim, Yahya, Mohd Foad, Mohamad Sukeri & Yaakob Daud. (2012). Kajian Impak Program Pembangunan Keusahawanan Kolej Komuniti .Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Utara Malaysia.

Armanurah Mohamad, Nor Aishah Buang & Muhammad Hussin. (2011). Proses Pengukuran Jenis Jaringan Keusahawanan Dan Implikasinya Terhadap Kelestarian Perniagaan Dalam Kalangan Mahasiswa Yang Berniaga Di Universiti Utara Malaysia. Dlm. (pnyt.). *Keusahawanan Pemangkin Kecemerlangan Dan Kelestarian Hidup*, hlm. 131-148. Bangi:

Bacon, T. (2003). Helping people change. *Industrial and Commercial Training*. 35(2).

Bisk, L. (2002). Formal entrepreneurial mentoring: the efficacy of third party managed programs. *Career Development International*. 7(5): 262-70.

Bruton, G. D., Ahlstrom, D., & Li, H. L. (2010). Institutional theory and entrepreneurship: where are we now and where do we need to move in the future? *Entrepreneurship Theory and Practice*. 34(3): 421- 440.

Buletin PUSKOM. Bil 1. (2012). Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. Kementerian Pengajian Tinggi.

De Clercq, D., Danis, W. M., & Dakhli, M. (2010). The moderating effect of institutional context on the relationship between associational activity and new business activity in emerging economies. *International Business Review*: 19, 85-101.

Galloway, L., Anderson, M., Brown, W. & Whittam, G. (2005). The Impact of Entrepreneurship Education in HE, *Business Education Support Team*, May.

Ida Nadia and Khairul Anuar (2016). Peranan Universiti Sebagai Pembimbing Terhadap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* (GBSE). 1(1) 48-54.

Kirby, D.A. (2004). Entrepreneurship education: can business schools meet the challenge? *Education & Training*. 46(8/9):510-519.

Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (2010). *Pelan Pengukuhan Keusahawan Kolej Komuniti*.

Fuller, J.S., & Jacobs, J. (1973). Socialization dalam Jack D. Douglas (ed). Introduction to Sociology : Situations and Structures. New York : The Free Press.

Kostova, T. (1999). Transnational transfer of strategic organizational practices: A contextual perspective. *Academy of management review*. 24(2), 308-324.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2010). *Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi*
- Kuratko, D.F., & Hodgetts, R.M. (2004). *Entrepreneurship: Theory, Process, Practice* (6th ed.), United States: South-Western.
- Laporan Aktiviti PUSKOM (2014). Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Lu"thje, C., & Franke, N. (2003). The 'making' of an entrepreneur: testing a model of entrepreneurial intent among engineering students at MIT. *R&D Management*. 33: 135-47
- Mohd Khairuddin Hashim, & Syed Azizi Wafa. (2002). *SME in Malaysia: Development Issues*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Khairuddin Khalil (1996). *Keusahawanan Sebagai Kerjaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Hj Din, Hoe Chee Hee, Norashidah Hashim, Oii Yeng Keat, Shuhymee Ahmad, Habsah Bakar, Norita Deraman, Rosli Mahmood, Armanurah Mohamad, Lily Julienty Abu Bakar & Muhammad Nasri Md Hussain. (2005). *Asas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Thomson Learning.
- Norasah Othman, Harinder Kaur a/p Toluk Singh, Poo Bee Tin & Norasiah Sulaiman. (2012). Impak globalisasi dan tingkahlaku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. *Prosiding PERKEM*, 1: 435-445.
- Norashidah Hashim, NorAishah Buang & Norasmah Othman. (2008). 27-29 March 2008. Conceptualizing entrepreneurial readiness for Malaysian higher learning institution. *The 2008 International Joint Conference on e-Commerce, e-Administration, e-Society, and e-Education*.
- Sanyal, C. (2017). 9 The Effective Mentor, Mentee and Mentoring Relationship. *The SAGE Handbook of Mentoring*
- Starr, J.A., & Fondas, N. (2002). A model of entrepreneurial socialization and organization formation. *Entrepreneurship Theory & Practice*. Fall:67-76
- Vidal-Salazar, María Dolores, Ferrón-Vílchez, Vera Cerdón-Pozo, Eulogio (2012). Coaching: an effective practice for business competitiveness. *International Business Journal*. 22(5): 422-244.